

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN

BILANGAN 16 TAHUN 2020

**PERATURAN MESYUARAT JAWATANKUASA HAL EHWAL TANAH JAJAHAN
(JKHET)**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 16/2020 yang bersidang pada 29/07/2020 telah membuat keputusan menetapkan Peraturan Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwat Tanah Jajahan Negeri Kelantan sebagaimana berikut:

- 1.1 Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwat Tanah Jajahan hendaklah bersidang tidak kurang daripada enam(6) kali setahun tanpa gagal;
- 1.2 Mesyuarat hendaklah dipengerusikan oleh Ketua Jajahan. Sekiranya Ketua Jajahan tidak dapat mempengerusikan Mesyuarat, maka Mesyuarat hendaklah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Jajahan.
- 1.3 Sekiranya kedua-dua Ketua Jajahan dan Timbalan Ketua Jajahan tidak dapat mempengerusikan Mesyuarat, Timbalan Pengarah Tanah dan Galian boleh mempengerusikan Mesyuarat.
- 1.4 Minit Mesyuarat dan Laporan berkaitan Mesyuarat hendaklah dihantar ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari setiap kali selepas Mesyuarat bersidang.

2. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa serta –merta dan semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil maklum akan keputusan Pihak Berkuasa Negeri ini dan mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan tersebut.

3. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling PTG Bilangan 11/1990. Arahan PTG Bilangan 1/1983 adalah dengan ini dibatalkan.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K.(Kelantan),K.M.N.
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

KEPADA:

Yang Berbahagia Dato' / Yang Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan.
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3,KOTA DARULNAIM

15576 KOTA BHARU KELANTAN.

NO FAIL :PTG.KN.4/3/1 Jld 7(4).

BERTARIKH : 08 November,2020/ 22 Rabiulawal 1442H.